

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
[PORT DICKSON]**

**SOALAN**

**DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [ PORT DICKSON ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah *mismatch* dalam industri terutama di kalangan siswazah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Isu peluang pekerjaan yang tidak seiring dengan kelayakan akademik terutama terhadap golongan graduan boleh diatasi dengan mengaplikasikan analisis data keperluan tenaga mahir. Antara maklumat keperluan tenaga mahir yang perlu dianalisis adalah jenis dan bidang kemahiran, kepakaran, tahap kelayakan dan bilangan yang diperlukan oleh industri.

Dalam hal ini, Kerajaan melalui Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) giat memberi penekanan kepada peningkatan kebolehpasaran graduan dengan mengaplikasikan penggunaan Senarai Pekerjaan Kritikal (*Critical Occupation List - COL*) yang bertujuan untuk mengenalpasti kemahiran dan pekerjaan yang sukar dipenuhi merangkumi keperluan tenaga kerja mahir dan separa mahir merentasi sektor-sektor utama negara.

*COL* digunakan sebagai instrumen dalam membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan seperti penentuan kesesuaian kursus baharu di universiti awam dengan keperluan industri, program pembangunan kemahiran tenaga kerja serta pengurusan biasiswa Kerajaan bertujuan mengimbangi penawaran dan permintaan dalam pasaran tenaga kerja.

Selain itu, TalentCorp juga bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan menjadi Ahli Jawatankuasa Mesyuarat Saringan Awal bagi menyemak silibus kursus baharu di universiti awam. Semakan ini mengambil kira input daripada kajian *COL* yang mengetengahkan tren terkini dan masa hadapan pasaran buruh.

TalentCorp juga telah membentuk Badan Penasihat Industri dan Bakat (*Industry-Talent Advisory Council - InTAC*) yang dianggotai oleh industri serta wakil-wakil dari bahagian pembangunan modal insan merentasi sektor ekonomi. InTAC memfokuskan usaha untuk menambahbaik serta memperkasakan tiga (3) elemen utama iaitu pekerjaan dan pasaran pekerjaan (*employability & job market opportunity*), mengurangkan jurang perbezaan kemahiran (*skills-bridging*) dan pekerjaan masa hadapan (*future of work*). Input

## SOALAN NO: 50

daripada InTAC ini akan dimanfaatkan sepenuhnya dalam merancang dan membangunkan program-program yang berkualiti serta berdaya saing dalam merangsang pasaran pekerjaan dan ekonomi negara.

Di samping itu, Program Latihan Industri Berstruktur (SIP) turut dirangka dan dilaksanakan oleh TalentCorp untuk menyediakan mahasiswa dengan pengalaman kerja yang sebenar melalui latihan amali yang berkualiti. Melalui SIP ini, syarikat akan memainkan peranan yang lebih proaktif dalam membangun dan menyediakan bakat dengan kemahiran yang tepat bagi memastikan mereka menamatkan pengajian dengan kemahiran yang relevan dengan industri. Program SIP ini dilihat sebagai satu langkah intervensi yang memberi ruang kepada mahasiswa menimba pengalaman dalam alam pekerjaan dan mempraktikkan apa yang telah dipelajari sebelum mereka memulakan kerjaya.

Kerajaan melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) juga telah memperkenalkan dan melaksanakan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang berkonsepkan *Work-Based Learning (WBL)*. Ia merupakan pembelajaran dalam persekitaran kerja sebenar melalui kemahiran *hands-on* kepada aktiviti kerja di syarikat. Latihan SLDN membabitkan dua (2) situasi pembelajaran iaitu 70 hingga 80 peratus latihan praktikal di syarikat SLDN dan 20 hingga 30 peratus latihan teori di Pusat Latihan SLDN.

Program SLDN ini menjadi platform komprehensif kepada mahasiswa yang berhasrat mengembangkan kepakaran melalui perolehan kemahiran teknikal, sosial dan kemanusiaan melalui sosialisasi di tempat kerja sebenar. Program SLDN turut menawarkan prospek kerjaya menarik yang merangkumi bidang pekerjaan utama di Malaysia berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) yang menggariskan kompetensi atau kemahiran diperlukan bagi pekerjaan mengikut sektor.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
[PORT DICKSON]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan program pembasmian kemiskinan yang telah dilaksanakan terutama bagi negeri-negeri seperti Sabah, Sarawak, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha menangani kemiskinan dan pembangunan inklusif kekal menjadi tonggak penting dalam pembangunan sosioekonomi Malaysia. Sejak Rancangan Malaysia Kedua, mengurangkan kemiskinan tegar dan meningkatkan kesejahteraan semua rakyat Malaysia tanpa mengira jantina, etnik, status ekonomi dan lokasi menjadi salah satu keutamaan dalam perancangan pembangunan negara selaras dengan Dasar Ekonomi Baru serta dasar-dasar semasa Kerajaan.

2. Secara umumnya, Malaysia telah mencapai kejayaan yang besar dalam usaha pembasmian kemiskinan dan peningkatan taraf kehidupan rakyat. Ini dapat dilihat daripada penurunan kadar kemiskinan mutlak di

peringkat nasional daripada 49.3 peratus daripada keseluruhan isi rumah pada tahun 1970 kepada 5.6 peratus pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, masih wujud kelompok kemiskinan di lokaliti bandar dan luar bandar. Penularan pandemik COVID-19 telah memberi impak luar jangka kepada pendapatan isi rumah dengan anggaran peningkatan kadar kemiskinan mutlak nasional kepada 8.4 peratus pada tahun 2020.

3. Secara khususnya, keberkesanan program pembasmian kemiskinan bagi negeri-negeri seperti Sabah, Sarawak, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu dengan kadar kemiskinan yang menurun adalah seperti berikut:

Negeri	Kadar Kemiskinan Mutlak (%)		
	1976	2019	2020 (anggaran)
Sabah	58.3	19.5	25.3
Sarawak	56.5	9.0	12.9
Kedah	61.0	8.8	12.7
Perlis	59.8	3.9	9.9
Kelantan	67.1	12.4	21.2
Terengganu	60.3	6.1	12.0

4. Melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas, Kerajaan akan mentransformasi pendekatan bagi membasmi kemiskinan tegar. Pembasmian kemiskinan akan dilaksanakan secara holistik bagi memastikan tiada ahli Keluarga Malaysia yang ketinggalan. Inisiatif ini memberi tumpuan kepada pembangunan program melalui pendekatan dari bawah ke atas dan melaksanakan penyelesaian kemiskinan di peringkat akar umbi. Program pembasmian kemiskinan tegar secara holistik ini akan turut mengguna pendekatan keseluruhan negara dan akan mula dilaksanakan di lokaliti terpilih di daerah-daerah termiskin. Program ini merupakan usaha untuk melengkap dan memperkukuh program serta bantuan Kerajaan yang telah disediakan sebelum ini dalam usaha menangani kemiskinan di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
(PENGERANG)**

**SOALAN**

**DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID [ PENGERANG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan undang-undang seperti POCA 1959, SOSMA 2012, POTA 2015, dan Penal Code 1957 kekal relevan dan berkesan pada ketika ini dan bilakah jangka masa Kerajaan untuk meminda undang-undang tersebut dalam memastikan undang-undang tersebut kekal efektif dalam menghadapi jenayah yang semakin kompleks pada hari ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan berpandangan bahawa undang-undang keselamatan dan pencegahan yang berada di bawah tanggungjawab Kementerian ini termasuklah Akta Pencegahan Keganasan 2015 Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 masih relevan dan penting bagi memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara. Polis Diraja Malaysia (PDRM) masih memerlukan undang-undang sedemikian agar tindakan segera boleh diambil untuk mengelakkan sebarang kegenteran awam, perselisihan antara kaum dan ancaman kepada kesejahteraan rakyat. Walaupun begitu, Kementerian komited untuk menambahbaik undang-undang tersebut dari semasa ke semasa bagi memastikan keamanan dan keselamatan Negara sentiasa terpelihara. Usaha-usaha penambahbaikan terhadap undang-undang tersebut berterusan dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat, pindaan Kanun Keseksaan 1957 bukan berada di bawah bidang kuasa kementerian ini, namun pihak Kementerian sentiasa memberikan kerjasama dalam usaha penambahbaikan undang-undang berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : YB DATO SRI AZALINA OTHMAN SAID  
(PENGERANG)**

**SOALAN**

**DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID [PENGERANG] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) jumlah tahanan yang dijangkiti COVID-19 di semua tempat tahanan beserta pecahan kategori mengikut jantina dan umur; dan
- (b) jumlah tahanan yang mati akibat COVID-19 mengikut umur dan jantina.



**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Rekod Jabatan Penjara Malaysia menunjukkan bahawa mulai 29 Ogos 2020 sehingga 01 November 2021, jumlah kumulatif banduan yang telah disahkan positif COVID-19 adalah seramai **47,435 orang banduan**. Pecahan banduan yang dijangkiti COVID-19 mengikut jantina dan umur pada 01 November 2021 adalah seperti di Jadual 1:

**JADUAL 1**

Umur	Warganegara		Bukan Warganegara		Jumlah
	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita	
Bawah 18 Tahun	0	0	0	0	0
21 hingga 30 Tahun	12	1	2	2	17
31 hingga 40 Tahun	9	2	5	1	11
41 hingga 50 Tahun	8	0	0	1	8
51 hingga 60 Tahun	4	1	0	0	5
61 hingga 70 Tahun	2	0	0	0	2
71 hingga 80 Tahun	0	0	0	0	0
81 hingga 90 Tahun	0	0	0	0	0
	35	4	7	4	<b>50</b>
	39		11		

- (b) Statistik banduan yang meninggal dunia akibat COVID-19 adalah seramai **105 orang banduan** manakala banduan yang telah sembuh adalah seramai **46,924 orang banduan**. Pecahan banduan yang telah meninggal dunia akibat COVID-19, mengikut jantina dan umur yang telah direkodkan sehingga 01 November 2021 adalah seperti di Jadual 2:

**JADUAL 2**

Umur	Warganegara		Bukan Warganegara		Jumlah
	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita	
Bawah 18 Tahun	0	0	0	0	0
21 hingga 30 Tahun	5	0	1	0	6
31 hingga 40 Tahun	17	0	2	0	19
41 hingga 50 Tahun	20	0	3	0	23
51 hingga 60 Tahun	29	2	1	0	32
61 hingga 70 Tahun	18	0	1	0	19
71 hingga 80 Tahun	4	0	0	0	4
81 hingga 90 Tahun	2	0	0	0	2
	95	2	8	0	<b>105</b>
	97		8		

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
[PENGERANG]**

**SOALAN**

**DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID [PENGERANG]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah penambahbaikan yang akan dilakukan oleh Kerajaan dalam sistem percukaian negara bagi memastikan wujud ketelusan dan tadbir urus baik dalam kewangan negara terutama berhubung tindakan warganegara Malaysia yang menyimpan duit dan aset di luar negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan wujud ketelusan dan tadbir urus baik dalam pentadbiran percukaian negara, Malaysia komited melaksanakan standard percukaian antarabangsa berkaitan pertukaran maklumat percukaian dengan negara rakan pejanji.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negara G20 pada 2 April 2009 telah mengisytiharkan bahawa era kerahsiaan bank telah berakhir ("*the era of bank secrecy is over*") dalam usaha untuk menangani isu pelarian cukai. Negara yang tidak memberikan komitmen untuk mematuhi standard antarabangsa bagi pertukaran maklumat secara permintaan (*Exchange of Information on Request (EOIR)*) akan dikenakan sekatan.

Di bawah standard antarabangsa EOIR, pihak berkuasa kompeten satu-satu negara mestilah mempunyai kuasa untuk mendapatkan maklumat bank bagi tujuan pertukaran maklumat antara negara dan maklumat bank tidak lagi tertakluk kepada kerahsiaan bank bagi tujuan EOIR. Malaysia telah memberikan komitmen berhubung EOIR pada 3 April 2009.

Pada tahun 2014, OECD telah memperkenalkan satu standard baharu bagi pertukaran maklumat yang dikenali sebagai Pertukaran Maklumat Kewangan Secara Automatik (*Automatic Exchange of Information on Financial Accounts* (AEOI)) atau dikenali juga sebagai *Common Reporting Standard* (CRS) bagi memperkuatkan lagi usaha dan kerjasama antarabangsa dalam menangani isu pelarian cukai.

Di bawah standard AEOI, institusi-institusi kewangan dikehendaki untuk melakukan usaha wajar (*due diligence*) untuk mengenalpasti akaun yang perlu dilaporkan kepada pihak berkuasa kompeten negara berkenaan bagi tujuan pertukaran maklumat dengan negara di mana pemegang akaun berkenaan adalah residen cukai. Antara butir-butir maklumat kewangan yang perlu dilaporkan termasuk, nama pemegang akaun, tarikh lahir, alamat, nombor cukai (*tax identification number* (TIN)), nombor akaun kewangan dan amaun.

Malaysia telah menandatangani *Convention on Mutual Administrative Assistance in Tax Matters* pada 26 Ogos 2016 dan ianya mula berkuatkuasa (*enter into force*) pada 1 Mei 2017. Susulan daripada itu, pertukaran maklumat kewangan secara automatik pertama telah dilakukan oleh Malaysia pada tahun 2018. Melalui AEOI, Malaysia dapat mengetahui maklumat pembayar cukai yang mempunyai akaun di luar negara. Maklumat yang diterima dipadankan dengan maklumat dalaman LHDNM bagi tujuan analisa risiko ketidakpatuhan cukai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
[PENGERANG]**

**SOALAN**

**DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID [PENGERANG]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk menggalakkan warganegara Malaysia yang mempunyai wang simpanan bernilai jutaan ringgit untuk menyimpan dan melabur wang dalam pasaran tempatan sebagai usaha untuk meningkatkan pemilikan ekuiti dalam kalangan warganegara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan warganegara Malaysia untuk menyimpan dan melabur wang dalam pasaran tempatan, termasuk warganegara Malaysia yang bernilai tinggi (*High-Net Worth Individuals*) atau pelabur sofistikated (*sophisticated investors*).

Dari tahun 2011 hingga 2020, pasaran alternatif ini telah berkembang pada kadar 8.3% setahun. Pada suku ketiga 2021, jumlah pengumpulan dana dari pendanaan ramai berasaskan ekuiti (*equity crowdfunding*) (ECF) dan pembiayaan antara rakan setara (*peer-to-peer financing*) (P2P) telah meningkat sebanyak 2.8 kali kepada RM952.9 juta berbanding jangka masa yang sama pada tahun 2020. Ini merupakan antara impak positif dari inisiatif-inisiatif untuk menarik lebih ramai pelabur runcit dan juga sofistikated ke dalam pasaran modal domestik. Selaras dengan ini juga, pihak Kerajaan telah mengumumkan pengecualian duti setem sepenuhnya untuk perjanjian pinjaman/pembiayaan P2P di bawah Bajet 2022 untuk menambahkan lagi penyertaan pelabur.

Tambahan lagi, beberapa langkah turut diperkenalkan oleh Kerajaan, seperti dana padanan (*matching funds*) dan insentif cukai yang bertujuan untuk mengurangkan risiko pelabur dan menggalakkan pelaburan ke dalam syarikat-syarikat di peringkat permulaan (*start-ups*). Ini termasuk program Malaysia Co-investment Fund (MyCIF) yang memberi pelaburan sepadan (*matching investments*) untuk kempen pelaburan ECF dan pembiayaan P2P. Sejumlah RM165 juta telah disalurkan daripada program MyCIF bersama RM431 juta daripada pelabur swasta yang telah memanfaatkan 1,197 syarikat setakat tahun 2020. Insentif cukai untuk pelabur budiman (*angel investor*) juga ditawarkan bagi membolehkan pelabur bertauliah untuk menuntut potongan cukai ke atas pelaburan yang layak dan disahkan oleh Cradle

Fund Sdn Bhd. Program Dana Penjana juga dilancarkan untuk memadan pelaburan swasta ke dalam dana *venture capital* (VC).

Pada tahun 2021, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah memperluas kategori pelabur sofistikated, untuk merangkumi antara lain, individu dengan pelaburan bernilai RM1 juta dalam produk pasaran modal, sama ada secara sendiri atau melalui akaun bersama dengan pasangan mereka; Ketua Pegawai Eksekutif dan pengarah berlesen atau individu yang berdaftar di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA); dan syarikat-syarikat yang menguruskan dana syarikat berkaitan mereka dengan aset melebihi RM10 juta<sup>4</sup>. Pindaan ini akan membolehkan lebih banyak pelabur memperluas pilihan pelaburan mereka manakala penerbit kini dapat meraih manfaat daripada kumpulan pelabur sofistikated yang lebih besar.

SC juga telah menggariskan pelan untuk menarik lebih ramai pelabur melalui Pelan Induk Pasaran Modal 3 (*Capital Market Masterplan 3*) (CMP3). Pihak SC akan menambahkan kepelbagaian pilihan pelaburan, menaikkan taraf penasihat pelaburan untuk memenuhi permintaan pelabur dari pelbagai spektrum, menambah baik infrastruktur pasaran untuk meningkatkan kecekapan pasaran, dan memudahkan pertumbuhan digital untuk semua kategori pelabur. Ini akan meluaskan akses pelabur kepada pasaran modal yang efisien dan seterusnya meningkatkan lagi tahap pemilikan ekuiti di kalangan warganegara tempatan.

Sekian, terima kasih.